

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
PENETAPAN KADAR ZAKAT FITRAH NEGERI SELANGOR
BAGI TAHUN 1420H / 1999M**

1. TAJUK PERSOALAN

Kertas ini dikemukakan kepada Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor untuk mendapatkan pandangan, pengesahan dan persetujuan Jawatankuasa mengenai penetapan kadar zakat fitrah di negeri Selangor bagi tahun 1420H bersamaan 1999/2000M.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Sepertimana lazimnya Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor menetapkan harta zakat fitrah berdasarkan ketetapan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dimana zakat fitrah boleh dibayar dengan beras ataupun wang tunai yang bersamaan dengan nilai harga beras tersebut.

2.2 Nilai yang ditetapkan ialah bersamaan dengan harga pasaran 1 gantang Baghdad iaitu 3 kati 12 tahlil atau bersamaan 2.27 kilogram mengikut sukatan dan timbangan sebagaimana yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Oleh yang demikian penetapan harga fitrah dilakukan dengan mengambil kira penetapan harga beras oleh PadiBeras Nasional Berhad (BERNAS), mengikut harga maksima kawalan beras di bawah Perintah Beras (Kawalan Harga) 1996, mengikut gred dan zon bagi sesebuah negeri di Malaysia.

2.3 Berikut adalah harga fitrah yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor pada tahun-tahun lalu berdasarkan perkembangan semasa seperti jadual di bawah:

TAHUN	KADAR FITRAH
1991-1992	RM 2.50
1993-1995	RM 2.70

1996-1997	RM 3.20
1997-1998 (1418H)	RM 3.40
1998-1999 (1419H)	RM 3.40

3. **ASAS PERTIMBANGAN**

- 3.1 Harga beras telah naik dari tahun ke tahun.
- 3.2 Rata-rata kita melihat masyarakat awam memilih dan mampu membeli beras gred lebih baik.
- 3.3 Pusat Zakat Selangor (MAIS) sudah dua tahun mengekalkan harga RM 3.40, tambahan pula harga fitrah di negeri Selangor jauh lebih rendah daripada negeri-negeri lain.
- 3.4 Walaupun beras merupakan barang kawalan, tetapi harga beras di pasaran tidak semuanya sama dan dapat dikawal.
- 3.5 Hasil daripada kajian dan siasatan berkenaan harga-harga beras di kedai-kedai runcit dari 9 buah daerah mendapati rata-rata harga beras mengalami kenaikan terutama beras import. Harga-harga ini jauh lebih tinggi daripada harga beras runcit yang dikeluarkan oleh pihak BERNAS.

4. **CADANGAN**

- 4.1 Berdasarkan asas pertimbangan tersebut, Unit Penyelidikan dan Pembangunan telah mendapatkan harga beras terkini daripada pihak BERNAS Mart. (sehingga Jun 1999). Selain itu, pada tahun ini UPP turut memasukkan harga-harga beras di kedai-kedai runcit terpilih dari 9 daerah di negeri Selangor sebagai pelengkap kepada harga beras BERNAS yang sedia ada. Kaedah ini diharapkan lebih menepati ukuran harga fitrah berasaskan harga makanan asasi masyarakat Islam di kawasan masing-masing. (Rujuk lampiran 1).

- 4.2 Pengiraan harga-harga beras BERNAS dibahagikan mengikut 3 kategori iaitu gred 1 yang terdiri dari beras berharga RM 3.50 dan ke atas, gred 2 pula ialah beras dari harga RM 2.00 hingga RM 3.49 dan gred 3 pula di bawah harga RM 2.00 (Rujuk Lampiran 2). Lampiran 3 menunjukkan pengiraan purata harga beras import mengikut gred.
- 4.3 Harga-harga ini dicampurkan dengan harga beras tempatan bagi mendapatkan harga purata seterusnya mendapatkan harga mengikut sukatan fitrah. Harga futrah yang didapati mengikut gred ialah **gred** sebanyak RM 4.29, **gred 2** sebanyak **RM 3.56** dan **gred 3** sebanyak **RM 3.20**.
- 4.4 Disebabkan PZS (MAIS) hanya menggunakan satu harga sahaja, purata daripada ketiga-tiga gred tersebut, harga fitrahnya ialah RM 3.68.

5. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor dalam persidangannya yang bertarikh 23 Ogos 1999 telah membincangkan perkara di atas dan keputusannya adalah seperti berikut:

“ Bahawasanya Jawatankuasa Fatwa kali ke 3/99 telah sebulat suara bersetuju dengan cadangan Pusat Zakat Selangor untuk meningkatkan kadar bayaran zakat iaitu sebanyak RM 3.70 bagi tahun 1420H/1999-2000M.